

Masyarakat perlu didedahkan keburukan polistirena

Sinar Harian
15/7/15
m/s 37

SHAH ALAM - Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail menyambut baik niat murni Kerajaan Selangor untuk mengharamkan penggunaan polistirena.

“Niat Kerajaan Selangor untuk mengharamkan penggunaan polistirena sangat baik dan dialu-alukan. Kalau kita lihat bazar Ramadan sudah ada langkah ke arah itu dengan kempen secara rasmi melalui poster dan banting,” katanya.

Menurut beliau, sudah banyak laporan tentang kesan penggunaan polistirena kepada kesihatan malah ia juga memberi kesan kepada pengurusan sisa pepejal.

“Kita tahu ia tak mudah reput dan tinggal lama dalam tempat pelupusan sampah, kalau terbakar menghasilkan gas berbahaya lain dan mudah menyebabkan longkang dan parit tersumbat kerana ia menghalang aliran air boleh menyebabkan banjir kilat.

“Namun begitu usaha ini taklah begitu mudah selagi hak pengguna, pengetahuan rakyat tentang penggunaan polistirena untuk mengisi makanan dan sikap mereka tidak ditangani dengan baik,” katanya.

Ahmad yang juga Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia berkata, pendidikan juga sangat penting.

“Penerangan jelas tentang mengenai kesan buruk penggunaan polistirena mestilah sampai kepada seluruh masyarakat,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, banyak institusi sudah lama menghalang penggunaan polisti-

Kerajaan Selangor haramkan polistirena dua tahun lagi

MPK akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Selangor untuk mengharamkan polistirena dua tahun lagi. Beliau berkata, polistirena adalah bahan yang tidak boleh terurai dan ia adalah jenis plastik yang paling banyak digunakan di negara ini. Beliau berkata, polistirena adalah bahan yang tidak boleh terurai dan ia adalah jenis plastik yang paling banyak digunakan di negara ini.

MPK akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Selangor untuk mengharamkan polistirena dua tahun lagi. Beliau berkata, polistirena adalah bahan yang tidak boleh terurai dan ia adalah jenis plastik yang paling banyak digunakan di negara ini.

'Kami serius melaksanakan kempen'

Peniaga di gerai tak lagi diberi permit bazar Ramadan tahun depan



Peniaga di gerai tak lagi diberi permit bazar Ramadan tahun depan. Gambar ini menunjukkan peniaga-peniaga di gerai-gerai bazar Ramadan yang sedang berurusan dengan pelanggan.

Hadiah untuk pengunjung bawa bekas sendiri

MPK akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Selangor untuk mengharamkan polistirena dua tahun lagi. Beliau berkata, polistirena adalah bahan yang tidak boleh terurai dan ia adalah jenis plastik yang paling banyak digunakan di negara ini.



Hadiah untuk pengunjung bawa bekas sendiri. Gambar ini menunjukkan peniaga-peniaga di gerai-gerai bazar Ramadan yang sedang berurusan dengan pelanggan.

MPK dalam proses didik peniaga, orang ramai

MPK akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Selangor untuk mengharamkan polistirena dua tahun lagi. Beliau berkata, polistirena adalah bahan yang tidak boleh terurai dan ia adalah jenis plastik yang paling banyak digunakan di negara ini.



MPK dalam proses didik peniaga, orang ramai. Gambar ini menunjukkan seorang peniaga yang sedang berurusan dengan pelanggan.

ISU POLISTIRENA

Laporan khas Sinar Harian berkenaan isu polistirena, semalam.

rena di premis mereka, tetapi belum mendapat sokongan sepenuhnya.

“Pengetahuan mengenai keburukan polistirena mesti diterangkan dengan jelas. Kesan kepada kesihatan apabila makanan panas atau sejuk diisi dalam polistirena.

“Apakah bahan kimia yang memberi kesan kepada kesihatan, dan apakah kesan jangka pendek dan panjang bersama buktinya,” katanya.

Menurutnya, kempen berkesan bermula di kantin sekolah dengan mendedahkan kesan penggunaan polistirena kepada kesihatan dan alam sekitar.